PP

lwn.

TAN CHEE KERN & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
LOW HOP BING H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-3-1996 & 45-4-1996]
30 OGOS 2001

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 - Seksyen 3, 3A - Niat menyebabkan kematian atau kecederaan - Sama ada dibuktikan - Tahap pembuktian pada peringkat penutup kes pendakwaan - Sama ada tahap melampaui keraguan munasabah - Sama ada pertuduhan dipindakan kepada s. 4 dan s. 9*

KETERANGAN: *Kenyataan - Kenyataan tidak bersumpah dari kandang tertuduh - Sama ada boleh diterimamasuk sebagai keterangan - Keberatan yang diberikan kepada keterangan tersebut*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 85(ii)(a), (b) - Pembelaan kemabukan - Sama ada dibuktikan*

Tertuduh 1 dituduh melakukan rompakan dengan melepaskan tembakan dari sepucuk senjata api dengan niat menyebabkan kematian atau kecederaan kepada seorang Paul Raj di bawah s. 3 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 ('Akta'). Tertuduh 2 pula adalah rakan sejenayahnya yang dituduhkan melakukan kesalahan di bawah s. 3A Akta. Isunya adalah sama ada kedua-dua kesalahan tersebut dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

Diputuskan:

[1] Walaupun pihak pembelaan dan juga pihak pendakwaan tidak berhujah mengenai beban dan tahap pembuktian pada peringkat penutup kes pendakwaan, oleh kerana kedua-dua pertuduhan membabitkan tarikh 7 Februari 1996, iaitu sebelum berkuatkuasanya pindaan kepada s. 180 Kanun Prosedur Jenayah pada 1 Februari 1997, maka beban atas pendakwaan pada peringkat penutup kes pendakwaan adalah pada tahap melampaui keraguan munasabah selepas penilaian maksimum atas keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan. (ms 215 h-i & 216 a-b)

[2] Pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen "niat menyebabkan kematian atau kecederaan" pada mana-mana orang di bawah s. 3 Akta sehingga taraf melampaui keraguan munasabah terhadap Tertuduh 1. Ianya hanya dibuktikan di bawah s. 4 Akta. Maka, pertuduhan terhadap Tertuduh 1 dipindakan kepada s. 4 Akta. Berdasarkan pindaan tersebut, pertuduhan Tertuduh 2 di bawah s. 3A juga tidak dibuktikan oleh pihak pendakwaan, tetapi dibuktikan di bawah s. 9 Akta. Justerunya, pertuduhan Tertuduh 2 dipindakan kepada s. 9 Akta. (ms 217 c & f)

[3] Tertuduh 2 mengaku salah kepada pertuduhan terpinda seperti di atas dan memberitahu mahkamah bahawa dia memahami sifat dan akibat pengakuan salah tersebut. Fakta-fakta kes telah pun dibacakan dan diterangkan kepada Tertuduh 2 dan dia mengakui fakta-fakta adalah betul. Setelah mempertimbangkan segala keadaan dalam kes ini terhadap Tertuduh 2, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara selama lapan tahun mulai daripada tarikh tangkapan iaitu 7 Februari 1996 dan sebatan minima enam kali. (ms 218 a & e-f)

[4] Kenyataan tidak bersumpah dari kandang Tertuduh 1 boleh diterimamasuk sebagai keterangan dan diberikan penilaian sewajarnya tetapi bukan dengan keberatan yang setaraf dengan keterangan bersumpah. Dengan itu, mahkamah meneruskan dengan memberikan penilaian dan mempertimbangkannya "for whatever it is worth" dalam konteks kemabukan di bawah s. 85(ii) Kanun Keseksaan, iaitu pada masa kejadian Tertuduh 1 tidak tahu apa yang sedang dibuatnya kerana dia telah menelan banyak pil. Daripada kenyataannya, adalah jelas bahawa dia telah menelan pil-pil tersebut dengan kerelaannya. Maka pembelaan di bawah s. 85(ii)(a) Kanun Keseksaan tidak terpakai. (ms 220 g-h & 221 a-d)

[5] Untuk membuktikan pembelaan di bawah s. 85(ii)(b) Kanun Keseksaan iaitu "voluntary intoxication", Tertuduh 1 harus membuktikan elemen bahawa dia "oleh sebab mabuk, menjadi gila, sama ada bagi sementara atau lainnya pada waktu perbuatan atau ketinggalan itu". Tertuduh 1 harus memanggil keterangan atas imbangan kebarangkalian (on a balance of probabilities). Tanpa saksi pakar, tidak terdapat mana-mana keterangan langsung untuk tujuan itu. Tambahan pula, mahkamah berpendapat bahawa pembelaan kemabukan oleh Tertuduh 1 adalah satu "afterthought". Itu adalah kerana, sekiranya pembelaan itu adalah benar, Tertuduh 1 sudah tentu menimbulkan isu itu semasa pemeriksaan balas tetapi ia tidak berbuat demikian. Maka, mahkamah berpendapat bahawa Tertuduh 1 telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan dan juga telah gagal membuktikan kemabukan

atas imbangan kebarangkalian. Manakala penelitian dan penilaian keseluruhan kes menunjukkan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes melampaui keraguan yang munasabah. (ms 221 e-h)

[6] Setelah mempertimbangkan rayuan Tertuduh 1 untuk meringankan hukuman, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup dan juga sebatan enam kali berdasarkan peruntukan di bawah s. 4 Akta di mana hukuman penjara seumur hidup adalah hukuman mandatori dan sebatan enam kali adalah hukuman minima. (ms 222 b)

[Tertuduh 1 dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup dan sebatan enam kali; Tertuduh 2 dijatuhkan hukuman penjara selama lapan tahun dan sebatan enam kali.]

Kes-kes yang dirujuk:

Arupragasan Sandaraju v. PP [1996] 4 CLJ 597 ***(diikuti)***
Director of Public Prosecutions v. Walker [1974] 1 WLR 1090 ***(diikuti)***
Juraimi Husin v. PP; Mohd Affandi Abdul Rahman & Anor v. PP [1998] 2 CLJ 383 ***(diikuti)***
Mohamed Salleh v. PP [1969] 1 MLJ 104 ***(diikuti)***
Ng Hoi Cheu & Anor v. PP [1968] 1 MLJ 53 ***(diikuti)***
PP v. Ong Poh Cheng [1996] 1 CLJ 501 ***(diikuti)***
PP v. Sanassi [1970] 2 MLJ 198 ***(diikuti)***
PP v. Shariff Kadir [1997] 5 CLJ 463 ***(diikuti)***
Shimmin's Case 15 COX CC 122 ***(dirujuk)***
Udayar Alagan & Ors v. PP [1962] 28 MLJ 39 ***(diikuti)***
Wong Heng Fatt v. PP [1959] 25 MLJ 20 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Arms Act 1960, s. 33
Criminal Procedure Code, s. 180
Firearms (Increased Penalties) Act 1971, ss. 3, 4, 9
Penal Code, s. 85(ii)(b)

Sumber yang dirujuk:

Ratanlal, *Law of Crimes*, ms 249

Bagi pihak Tertuduh 1 & 2 - Lee Cheng Theng; T/n Fernandez & Co
Bagi pihak pendakwa - Zakaria Merican Ishak Merican TPR

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Low Hop Bing H:

Pertuduhan

Tertuduh Tan Chee Kern dalam Perbicaraan Jenayah No. 45-3-1996 (Tertuduh 1) dihadapkan ke mahkamah ini atas pertuduhan pindaan yang berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 7.2.1996 jam lebih kurang 12.10 tengahari, di kawasan kedai Kani Metals, Lot 828, Jalan Haji Sirat off Jalan Meru, di dalam Daerah Kelang, di dalam Negeri Selangor, telah melakukan rompakan dengan melepaskan tembakan dari sepucuk senjata api, dengan niat menyebabkan kematian atau kecederaan kepada Paul Raj a/l Vellasamy Kone, KP: 390820-71-5017, dengan ini kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum dibawah Seksyen 3 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971.

Tertuduh Chong Soon Eng dalam Perbicaraan Jenayah No. 45-4-1996 (Tertuduh 2) pula dituduh atas pertuduhan pindaan di bawah:

> Bahawa kamu pada 7.2.1996 jam lebih kurang 12.10 tengahari, di kawasan Kedai Kani Metals, Lot 828, Jalan Haji Sirat, Off Jalan Meru, di dalam Daerah Kelang, di dalam Negeri Selangor adalah seorang rakan sejenayah Tan Chee Kern KP. 631209-10-5665, yang melakukan rompakan dengan melepaskan tembakan dari sepucuk senjata api, dengan niat menyebabkan kematian atau kecederaan kepada seorang Paul Raj a/l Vellasamy Kone, KP: 390820-71-5017 yang mana kamu hadir ditempat berlakunya kesalahan itu dan diandaikan dengan semunasabahnya mengetahui bahawa Tan Chee Kern itu membawa senjata api tersebut, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dibawah Seksyen 3A Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971.

Kedua-dua tertuduh tersebut telah dibicarakan bersama-sama dalam perbicaraan ini.

Fakta Kes

Dari keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, saya mendapati fakta-fakta seperti berikut:

Seorang kerani yang bernama Paul Raj a/l Vellasamy Kone (SP11) di kedai Kani Metals di Lot 828 Jalan Haji Sirat, Off Jalan Meru, Klang sedang bekerja di kedai tersebut apabila Tertuduh 1 menepuk bahu beliau. SP11 menoleh ke belakang dan melihat Tertuduh 1. Tertuduh 1 menyuruh SP11 membuka peti besi, tetapi SP11 pula menanyakan Tertuduh 1 “Apa mahu buka?”. Lepas itu, Tertuduh 1 keluarkan pistol P8 dan tunjuk ke arah SP11. SP11 memegang jeket Tertuduh 1 dan kemudian memeluk Tertuduh 1 dari

belakang dengan kuat. Pada masa ini, Tertuduh 1 melepaskan satu das tembakan, dan seterusnya memukul SP11 dengan pistol, di mana ketika itu SP11 masih memeluk Tertuduh 1 dari belakang.

Tertuduh 1 memukul SP11 dengan kedua-dua belah tangannya dengan mengetok ke belakang atas kepala SP11 dengan menggunakan pistol eksibit P8. SP11 mendapat kecederaan seperti yang diterangkan oleh Dr. Lim Yaw Tzong (SP9) iaitu laceration di bahagian kepala dan sub-conjunctival haemorrhage pada sebelah mata kanan iaitu mata putih berdarah. Dr. Lim berpendapat bahawa kecederaan tersebut disebabkan oleh hentakan daripada bahan-bahan keras atau dipukul oleh "edge of a pistol" yang menyebabkan kecederaan kepada kepalanya. Kecederaan kepada mata SP11 boleh disebabkan oleh "edge of a gun" atau tumbukan. Pemilik kedai Kani Metals, Encik Ramakrishnan a/l Ramu (SP14) bersama-sama dengan pekerjanya yang bernama Satish Kumar yang berada di kedai tersebut. SP14 mengatakan atas sumpah bahawa beliau mula-mula nampak SP11 sedang memeluk Tertuduh 1. Tertuduh 1 semasa itu memegang pistol P8. Pemandu lori Mohan a/l Valianathan (SP13) yang berada dalam kedai tersebut juga nampak keadaan di mana Tertuduh 1 sedang dipegang oleh SP11 dan melihat Tertuduh 2 memukul tangan SP11 dan kemudian melarikan diri dari tempat ini. SP13 kejar dan menangkap Tertuduh 2.

Adalah jelas bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan bahawa Tertuduh 1 melepaskan tembakan dari pistol (P8) dan P8 dirampas dari tangan Tertuduh 1. P8 boleh digunakan semasa Tertuduh 1 melepaskan tembakan, mengikut ujian 'serviceability' oleh Pegawai Persenjataan Ibu Pejabat Kontingen Selangor, Ketua Inspektor Mohammad bin Abbas (SP2). P8 telah diserahkan kepada Kpl. Hashim bin Abdul Rashid (SP6) tanpa diusik. Kelongsong peluru, eks. P44A, tersangkut atau tersepit di 'ejection hole' semasa diterima oleh SP6 dan ini menyebabkan stoppages kepada P8 untuk tembakan seterusnya. P8 menggunakan P44A untuk menembak seperti yang dibuktikan dalam Laporan Ahli Kimia, Hithaya Jeevan (SP10). Tertuduh 1 ditangkap di tempat kejadian dalam kawasan Kani Metals dan butir-butir peribadinya terkandung dalam dokumen-dokumen seperti kad pengenalan dan lesen memandu yang terdapat pada badannya. Sarong pistol eks. P31 terdapat pada pinggang Tertuduh 1. Tertuduh 1 ditangkap dengan pistol P8 masih berada ditangannya. Tertuduh 1 semasa kejadian itu memakai helmet putih eks. P23. Pistol P8 dirampas dan dibungkus dalam sehelai kain perca dan diletakkan atas peti besi seperti dalam gambar P15A. P8 diambil oleh SP6 dalam keadaan berbalut dengan kain dan apabila diperiksa, ada kelongsong peluru jenis 9mm tersangkut pada slide ejection opening.

Hujah-Hujah Dan Keputusan Pada Akhir Kes Pendakwaan

Encik C.T. Lee peguam yang bijaksana bagi pihak Tertuduh 1 dan 2 berhujah bahawa untuk pertuduhan terhadap Tertuduh 1 di bawah s. 3 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, pihak pendakwaan perlu membuktikan bahawa satu rompakan telah dilakukan oleh Tertuduh 1 dan dalam melakukan satu rompakan itu, Tertuduh 1 telah melepaskan tembakan dengan niat menyebabkan kematian atau kecederaan kepada sesiapa, walaupun tiada sebarang kecederaan telah dilakukannya.

Peguam yang bijaksana menegaskan bahawa keterangan Encik Paul Raj SP11 dan Encik Ramakrishnan SP14 tidak membuktikan bahawa satu rompakan telah dilakukan oleh Tertuduh 1. Tambahan pula, adalah dihujahkan bahawa pendakwaan telah juga gagal membuktikan bahawa Tertuduh 1 telah melepaskan tembakan dengan niat menyebabkan kematian atau kecederaan.

Untuk Tertuduh 2, peguam yang bijaksana menyatakan bahawa oleh kerana pertuduhan terhadap Tertuduh 1 tidak dibuktikan, maka pertuduhan terhadap Tertuduh 2 sebagai rakan sejenayah Tertuduh 1 di bawah s. 3A Akta yang sama juga tidak dibuktikan.

Sebagai rumusan, peguam Tertuduh 1 dan 2 berhujah bahawa kesalahan yang dilakukan oleh Tertuduh 1 adalah di bawah s. 33 Akta Senjata Api 1960 iaitu untuk memiliki senjata api yang menyalahi undang-undang manakala kesalahan yang dilakukan oleh Tertuduh 2 adalah di bawah s. 9 Akta yang sama iaitu untuk bersubahat dengan atau didapati bersama dengan seorang lain yang memiliki senjata api.

Encik Zakaria Merican bin Ishak Merican, ketika itu Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana berhujah bahawa pada akhir kes pendakwaan, elemen-elemen di bawah s. 3 terhadap Tertuduh 1, dan s. 3A terhadap Tertuduh 2 telah pun dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

Sebagai hujah alternatif, adalah dihujahkan oleh beliau bahawa sekiranya elemen niat untuk menyebabkan kematian atau kecederaan tidak dibuktikan terhadap Tertuduh 1 seperti diperlukan di bawah s. 3, maka mahkamah boleh meminda pertuduhan terhadap Tertuduh 1 kepada s. 4 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, dan terhadap Tertuduh 2 kepada s. 9 Akta yang sama, iaitu mengiringi orang yang membawa senjata api.

Dalam penghakiman saya, adalah diperhatikan bahawa walaupun pihak pembelaan dan juga pendakwaan tidak berhujah mengenai beban dan taraf pembuktian pada peringkat penutup kes pendakwaan, saya berpendapat bahawa oleh kerana kedua-dua pertuduhan yang dikemukakan terhadap

Tertuduh 1 dan 2 masing-masing adalah membabitkan tarikh 7 Februari 1996, iaitu sebelum berkuatkuasanya pindaan kepada s. 180 Kanun Prosidur Jenayah pada 1 Februari 1997, maka beban atas pendakwaan pada peringkat penutup kes pendakwaan adalah pada tahap atau taraf melampaui keraguan munasabah, selepas penilaian maksimum atas keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan: *Arulpragasan a/l Sandaraju v. Public Prosecutor* [1996] 4 CLJ 597 FC yang telah diterimapakai dan diikuti dalam kes-kes seterusnya sehingga pindaan kepada s. 180 tersebut.

Mengenai pertuduhan di bawah s. 3 Akta 1971 terhadap Tertuduh 1, saya berpendapat bahawa elemen-elemen kesalahan dalam pertuduhan ini adalah seperti yang dihuraikan oleh Jeffrey Tan, PK (sekarang H) dalam *Public Prosecutor v. Ong Poh Cheng* [1996] 1 CLJ 501 iaitu:

(i) satu rompakan telah dilakukan (oleh Tertuduh 1);

(ii) (Tertuduh 1) telah melepaskan tembakan dengan niat menyebabkan kematian atau kecederaan pada mana-mana orang walaupun tiada kecederaan disebabkan dengannya.

Identiti Tertuduh 1 sebagai seorang yang disebut dalam pertuduhan adalah tidak dipertikaikan kerana butir-butir peribadinya terdapat di badan Tertuduh 1 semasa beliau ditangkap di tempat kejadian. Tambahan pula beliau juga dicamkan oleh saksi-saksi pendakwaan dalam mahkamah.

Mengenai perlakuan kesalahan terjadual iaitu rompakan, saya mendapati bahawa semasa sampai di tempat kejadian, Tertuduh 1 menyuruh Encik Paul Raj SP11 membuka peti besinya dan selepas ditanya oleh SP11 “Apa mahu buka?’, Tertuduh 1 keluarkan sesuatu dari poket iaitu pistol P8 dan mengacu kepadanya.

Pada ketika ini, proses rompakan sedang berjalan dan justeru itu telah memenuhi kehendak undang-undang ‘semasa ia melakukan’ (at the time of his committing) kesalahan terjadual iaitu rompakan seperti disenaraikan dalam jadual pertama kepada Akta 1971 sebagai satu kesalahan terjadual.

Pada pendapat saya, rompakan tidak perlu selesai dijalankan sehingga barang diambil dan sebagainya untuk semua elemen rompakan dilakukan oleh Tertuduh 1 *(Public Prosecutor v. Ong Poh Cheng, supra).*

Mengenai pelepasan tembakan (discharges firearm), pihak pendakwaan telah membuktikan bahawa semasa SP11 memeluk Tertuduh 1 dari belakang, Tertuduh 1 telah melepaskan satu tembakan. Perlu ditegaskan di sini bahawa samada pelepasan satu das tembakan itu dilakukan oleh Tertuduh 1 dengan niat atau secara kebetulan atau tidak sengaja tidaklah pasti dari

keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan melalui saksi-saksi. Apa yang dibuktikan oleh saksi lain cuma mengesahkan telah mendengar bunyi tembakan dan fakta ini tidak dipertikaikan oleh Tertuduh 1. Peluru kosong P44 yang tersangkut pada pistol P8 telah disahkan oleh Ahli Kimia (SP10) sebagai yang sama ditembak dari P8. Ahli kimia juga mengesahkan pistol ditembak 'since last cleaned'. Pistol P8 juga dirampas dari tangan Tertuduh 1. Dari itu tidak diragu lagi bahawa pistol P8 digunakan oleh Tertuduh 1 untuk melepaskan tembakan semasa kejadian ini.

Mengenai elemen "dengan niat menyebabkan kematian atau kecederaan pada mana-mana orang", saya berpendapat bahawa pihak pendakwaan tidak dapat mengemukakan keterangan-keterangan secara terus kerana niat tersebut adalah suatu elemen mental yang cuma dapat dibuktikan dengan merujuk kepada semua keadaan dalam kes ini. Seperti yang saya mengatakan di atas, pihak pendakwaan cuma membuktikan bahawa semasa melakukan rompakan ini, Tertuduh 1 telah menggunakan pistol P8 yang "serviceable" dan satu das tembakan telah pun dilepaskan, tetapi SP11 tidak dapat mengesahkan ke arah mana, semasa SP11 memeluk Tertuduh 1 dengan kuat dari belakang. Dalam pistol P8 berlaku 'stoppages' selepas tembakan pertama dan oleh itu, kelongsong peluru tersangkut pada 'ejection opening' dan tembakan seterusnya tidak dapat dilepaskan lagi. Kecederaan yang dialami oleh SP11 bukanlah akibat pelepasan tembakan dari pistol P8, tetapi adalah disebabkan oleh Tertuduh 1 memukul SP11 dengan kedua-dua belah tangannya dan mengetok ke belakang atas kepala SP11 dengan menggunakan pistol P8. Ini adalah jelas dari keterangan pakar perubatan Dr. Lim Yaw Tzong (SP8). Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa elemen niat tersebut tidak dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Pihak pendakwaan gagal membuktikan niat tersebut sehingga taraf melampaui keraguan munasabah terhadap Tertuduh 1, tetapi hanya di bawah s. 4 Akta yang sama. Justeru itu, saya dengan ini meminda pertuduhan terhadap Tertuduh 1 yang berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 7.2.1996 jam lebih kurang 12.10 tengahari, di kawasan kedai Kani Metals, Lot 828, Jalan Hj. Sirat Off Jalan Meru, di dalam Daerah Kelang, di dalam Negeri Selangor, semasa kamu melakukan rompakan telah mempamerkan sepucuk senjata api dalam suatu cara yang mungkin mendatangkan kepada seorang Paul Raj a/l Vellasamy Kone KP. 390820-71-5017 ketakutan mati atau kecederaan (at the time of committing robbery, exhibits a finearm in a manner likely to put one Paul Raj a/l Vellasamy Kone in fear of death or hurt) dan dengan ini kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum dibawah s. 4 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971.

Berdasarkan pindaan kepada pertuduhan terhadap Tertuduh 1, maka pertuduhan di bawah s. 3A tersebut terhadap Tertuduh 2 juga tidak dibuktikan oleh pendakwaan, tetapi cuma di bawah s. 9 Akta yang sama. Oleh yang demikian saya dengan ini meminda pertuduhan terhadap Tertuduh 2 kepada pertuduhan pindaan yang berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 7.2.1996 jam lebihkurang 12.10 tengahari, di kawasan kedai Kani Metals, Lot 828, Jalan Hj. Sirat, Off Jalan Meru, di dalam Daerah Kelang, di dalam Negeri Selangor adalah seorang yang didapati ada bersama dengan seorang lain iaitu Tan Chee Kern KP. 631209-10-5665 yang memiliki suatu senjata api dengan menyalahi undang-undang dalam hal keadaan yang menimbulkan anggapan yang munasabah bahawa kamu telah mengetahui bahawa orang lain itu iaitu Tan Chee Kern telah memiliki senjata api itu dengan menyalahi undang-undang dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 9 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971.

Susulan daripada pindaan-pindaan tersebut, pertuduhan terpinda tersebut telah dibaca dan diterangkan kepada Tertuduh 1 dan Tertuduh 2 masing-masing. Tertuduh 1 meminta bicara dan telah diberi kebebasan untuk memanggil semula saksi-saksi pendakwaan sekiranya perlu.

Tertuduh 2 telah mengakui bersalah kepada pertuduhan terpinda seperti di atas dan memberitahu mahkamah bahawa beliau memahami sifat dan akibat pengakuan salah tersebut. Fakta-fakta kes telah pun dibaca dan diterangkan kepada Tertuduh 2 dan beliau mengakui fakta-fakta adalah betul. Setelah mempertimbangkan segala keadaan dalam kes ini terhadap Tertuduh 2, saya telah menjatuhkan hukuman penjara selama lama tahun mulai daripada tarikh tangkapan iaitu 7 Februari 1996 dan sebatan minima iaitu enam kali sebatan. Tertuduh 2 tidak mengemukakan sebarang rayuan terhadap hukuman tersebut.

Kes terhadap Tertuduh 1 telah ditangguhkan kepada 13 Mac 2001. Pada hari itu, selain daripada memberi kebebasan kepada Tertuduh 1 untuk memanggil semula saksi-saksi pendakwaan sekiranya perlu, saya telah juga menjelaskan kepada Tertuduh 1 bahawa beliau ada tiga pilihan untuk mengemukakan pembelaannya iaitu memberi keterangan bersumpah dan disoalbalas, memberi kenyataan dari kandang tertuduh dan tidak disoalbalas ataupun berdiam diri. Setelah memperolehi nasihat daripada peguamnya Tertuduh 1 memberitahu mahkamah bahawa beliau hendak memberi kenyataan dari kandang tertuduh.

Kenyataan Tertuduh 1 dari kandang tertuduh berbunyi seperti berikut:

Pada hari berkenaan, saya pergi ke kedai besi buruk tersebut untuk meminta wang dari orang India yang berkenaan. Lepas itu, saya bergaduh dengan orang India tersebut. Sebelum itu, saya telah makan pil-pil. Oleh yang demikian, saya tidak berapa sedar diri. Semasa pergaduhan, saya ada sebuah pistol, tetapi oleh kerana saya tidak sedar diri, maka saya tidak tahu samada saya telah melepaskan tembakan. Saya juga telah dipukul oleh mereka sehingga pengsan. Dengan ini, saya telah insaf dan saya memohon mengurangkan seksyen terhadap pertuduhan saya iaitu menurunkan kepada seksyen lain supaya saya boleh keluarkan nanti. Itu sahaja.

Tertuduh tidak berhasrat memanggil saksi-saksi lain dan dengan itu menutup kes pembelaannya.

Berdasarkan kenyataan Tertuduh 1 seperti di atas, peguam yang bijaksana bagi beliau telah berhujah bahawa pembelaan Tertuduh 1 adalah kemabukan di bawah s. 85(ii) Kanun Keseksaan iaitu Tertuduh 1 tidak tahu apa yang sedang dibuat kerana beliau telah menelan pil-pil. Peguam menyeru kepada mahkamah supaya tidak menolak kenyataan Tertuduh 1 tetapi menilainya sebagaimana mahkamah anggap wajar dipertimbangkan. Peguam mengakui bahawa pembelaan ini tidak diketengahkan semasa menyoalbalas saksi-saksi dalam kes pendakwaan. Peguam yang bijaksana tidak mengambil sebarang pendirian samada kenyataan Tertuduh 1 dari kandang tertuduh merupakan keterangan atau tidak, tetapi berhujah bahawa, adalah wajar diberi pertimbangan mengambilkira keterangan lain yang diberi.

Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana telah merujuk kepada beberapa nas-nas dan berhujah bahawa kenyataan ini harus diberi keberatan yang dianggap wajar oleh hakim perbicaraan.

Pada pendapat saya, dalam mana-mana perbicaraan jenayah sesuatu tertuduh mempunyai hak hakiki (iaitu substantive right), dan bukan hanya suatu hak prosidur, untuk memberi suatu kenyataan yang tidak bersumpah, dari kandang tertuduh: *Mohamed Salleh v. Public Prosecutor* [1969] 1 MLJ 104 FC (Singapura); *Public Prosecutor v. Sanassi* [1970] 2 MLJ 198.

Setelah meneliti hujah-hujah tersebut, adalah diperhatikan bahawa pendirian yang dilafazkan oleh hakim-hakim, mengenai isu samada kenyataan tertuduh dari kandang tertuduh adalah keterangan atau tidak, adalah berbeza. Seumpamanya, dalam *Wong Heng Fatt v. Public Prosecutor* [1959] 25 MLJ 20, di ms 21, Smith H memutuskan bahawa kenyataan dari kandang tertuduh bukanlah keterangan kerana tertuduh tidak mengikrar atau mengangkat sumpah untuk memberi keterangan. Pendirian yang sama telah diambil oleh Sharma, H dalam *Public Prosecutor v. Sanassi, supra* dan Hishamuddin bin Mohd Yunus, H dalam *Public Prosecutor v. Shariff Kadir* [1997] 5 CLJ 463.

Dalam *Ng Hoi Cheu & Anor v. Public Prosecutor* [1968] 1 MLJ 53, Chang Min Tat, H (kemudian HMP) memutuskan bahawa kenyataan tersebut adalah keterangan yang mana tertuduh serta peguamnya berhak berhujah mengenainya dan mahkamah harus memberi penilaian kepada keberatannya.

Dalam *Udayar Alagan & Ors v. Public Prosecutor* [1962] 28 MLJ 39, Thomson CJ, yang menyampaikan penghakiman bagi pihak Mahkamah Rayuan, mengatakan:

> There was **evidence** by the appellants to the contrary, though here it must be observed that two of them took the dangerous course of making a statement from the dock instead of going into the witnesses-box and giving evidence. An accused person is, of course, entirely within his legal rights when he elects to take that course, but in a case which must in the event depend on credibility he takes it at his own peril.

Mahkamah Rayuan tersebut telah mengiktiraf kenyataan dari kandang tertuduh sebagai keterangan atau "evidence". Mahkamah Rayuan telah juga mengambilkira penghakiman Cave, H dalam *Shimmin*'s Case 15 COX CC 122, 124 bahawa sesuatu banduan, walaupun dibela oleh peguam, boleh, jika dia memilih, sendiri memberi kenyataan yang tidak bersumpah dan beliau patut didengar dalam pembelaannya tetapi kenyataan itu tidak berhak diberi keberatan yang sama seperti keterangan bersumpah.

Pada tahun 1998, satu lagi Mahkamah Rayuan telah memutuskan dalam *Juraimi bin Husin v. Public Prosecutor; Mohd Affandi bin Abdul Rahman v. Public Prosecutor* [1998] 2 CLJ 383 bahawa kenyataan yang tidak bersumpah dari kandang tertuduh telah sewajarnya diterimamasuk sebagai keterangan. Mahkamah Rayuan ini telah mengikuti keputusan Majlis Privy dalam *Director Of Public Prosecutions v. Walker* [1974] 1 WLR 1090.

Dengan hal yang demikian, saya bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh Chang Min Tat, H (kemudian HMP) dalam *Ng Hoi Cheu*, *supra*; Mahkamah Rayuan dalam *Udayar Alagan, supra;* dan akhirnya Mahkamah Rayuan dalam *Juraimi* dan *Mohd Affandi, supra* dan mencapai kesimpulan bahawa kenyataan tidak bersumpah dari kandang tertuduh boleh diterimamasuk sebagai keterangan, dan diberi penilaian sewajarnya tetapi bukan dengan keberatan yang setaraf dengan keterangan bersumpah. Saya dengan ini meneruskan dengan memberi penilaian dan mempertimbangkannya "for whatever it is worth", dalam konteks kemabukan di bawah s. 85(ii) Kanun Keseksaan iaitu pada masa kejadian Tertuduh 1 tidak tahu apa yang sedang dibuat kerana beliau telah menelan pil-pil.

Beban untuk membuktikan pembelaan kemabukan adalah atas bahu Tertuduh 1. Seksyen 85(ii) Kanun Keseksaan menunjukkan kemabukan boleh menjadi suatu pembelaan terhadap sesuatu pertuduhan jenayah jika oleh sebab mabuk, orang yang dipertuduhkan itu, pada waktu perbuatan atau ketinggalan yang diadukan itu, tidak tahu bahawa perbuatan atau ketinggalan itu salah atau pun tidak tahu apa yang ia lakukan dan:

(a) keadaan mabuk itu telah disebabkan dengan tiada kerelaannya oleh perbuatan jahat atau cuai seseorang lain; atau

(b) orang yang dipertuduhkan itu, oleh sebab mabuk, menjadi gila, samada bagi sementara atau lainnya pada waktu perbuatan atau ketinggalan itu.

Dari kenyataan Tertuduh 1, adalah jelas bahawa beliau sendiri telah menelan banyak pil, oleh itu pembelaan di bawah s. 85(ii)(a) tidak terpakai. Dalam *"Law Of Crimes"* Ratanlal di ms 249, maksud "against his will" dijelaskan sebagai:

> An act which is against the 'will' must be an act which the performer performed not out of his own conscious volition but on compulsion by some outside agency by overpowering or paralysing his will by overt physical acts.

Untuk membuktikan pembelaan di bawah s. 85(ii)(b) iaitu "voluntary intoxication", Tertuduh 1 harus membuktikan elemen bahawa dia "oleh sebab mabuk, menjadi gila, samada bagi sementara atau lainnya pada waktu perbuatan atau ketinggalan itu".

Tertuduh 1 harus memanggil saksi pakar untuk memberi keterangan atas imbangan kebarangkalian (on a balance of probabilities). Tanpa saksi pakar, seperti dalam kes ini, tidak terdapat mana-mana keterangan langsung untuk tujuan ini.

Tambahan pula, saya berpendapat bahawa pembelaan kemabukan oleh Tertuduh 1 adalah satu "afterthought". Ini adalah kerana, sekiranya pembelaan ini adalah benar, Tertuduh 1 sudah tentu sekurang-kurangnya semasa menyoalbalas SP2 atau Pegawai Penyiasat menimbulkan isu ini.

Atas penilaian yang dijalankan atas kenyataan Tertuduh 1 saya berpendapat bahawa Tertuduh 1 telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan dan juga telah gagal membuktikan kemabukan atas imbangan kebarangkalian. Manakala penelitian dan penilaian keseluruhan kes menunjukkan pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes melampaui keraguan yang munasabah. Oleh itu, saya mendapati Tertuduh 1 bersalah atas pertuduhan pindaan seperti di atas dan merakamkan satu sabitan terhadapnya.

Sebelum saya menjatuhkan hukuman, saya telah memberi peluang kepada Tertuduh 1 untuk mengemukakan rayuan meringankan hukuman. Peguam yang bijaksana bagi Tertuduh 1 mengatakan bahawa Tertuduh 1 cuma melepaskan senjata api tetapi tidak mendatangkan sebarang kecederaan kepada sesiapa atau pun kepada hartabenda. Setelah mempertimbangkan rayuan tersebut, saya menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup dan juga sebatan enam kali, berdasarkan kepada peruntukan di bawah s. 4 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 di mana hukuman penjara seumur hidup adalah hukuman mandatori dan sebatan enam kali adalah hukuman minima.